

600:
NEGARA-MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 JAN (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SETENGAH-SETENGAH PELAJAR MALAYSIA DI LUARNEGERI MENJALANKAN KEGIATAN "BENCI MALAYSIA" DENGAN TUJUAN SUPAYA MEREKA MENDAPAT KEBENARAN TINGGAL TETAPI DI NEGARA TERSEBUT.

DAKWAAN MEREKA BAHAWA MEREKA AKAN DITAHAN OLEH KERAJAAN SEKEMBALINYA KE TANAHAIR ADALAH SATU MUSLIHAT SUPAYA MEREKA DIBERI KEBENARAN TINGGAL TETAPI DI NEGARA YANG MEREKA BELAJAR, JELAS BELIAU.

MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN SEMASA PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN DI DEWAN NEGARA, DR. MAHATHIR

BERKATA BAGI PELAJAR-PELAJAR INI "KAMI MENGUCAPKAN SELAMT JALAN KEPADA MEREKA KERANA KITA TIDAK ADA APA-APA KERUGIAN,"

BELIAU MENYATAKAN PENERANGAN YANG LEBIH JELAS MENGENAI KEADAAN NEGARA TERUTAMA MENGENAI DAKWAAN KEBULURAN "YANG BERLAKU DI BALING BARU-BARU INI" AKAN DIBERI KEPADA PARA PELAJAR DI LUARNEGERI.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN HASIL PENYIASATAN TIGA ORANG PROFESOR DAN PENSYARAH DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN YANG DIJALANKAN SECARA "SUKARELA" KE ATAS PERKARA TERSEBUT BARU-BARU INI AKAN DI-SAMPAIKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUARNEGERI.
-BERSAMBUNG HM 1712

601:
NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR:

DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBINA SEBUAH ASRAMA DI KAHERAH UNTUK MENAMPUNG PELAJAR-PELAJAR YANG BELAJAR DISANA.

MENJAWAB CADANGAN SENATOR DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, MENTER ITU MENYATAKAN BAHAWA BELIAU AKAN MELAWAT NEGARA-NEGARA DIMANA KEGIATAN +ANTI-MALAYSIA+ DIJALANKAN UNTUK MENGETAHUI KEADAAN YANG SEBENARNYA. --BERNAMA HM 1714